UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 30 LONJAKAN PELAN STRATEGIK UTeM 2023

MENJAJAR UNIVERSITI MELONJAK KE HADAPAN
5 TERAS STRATEGIK

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 1 & Teras 5

### Peningkatan Enrolmen Pelajar Baharu ke Program Ijazah Sarjana Muda Sesi 2023/2024



MASSILA Kamalrudin beramah mesra bersama pelajar baharu UTeM, Durian Tunggal, Melaka.

UTeM terus menjadi universiti pilihan pelajar untuk menyambung pengajian di peringkat TVET tahap tinggi dimana terdapat **peningkatan enrolmen pelajar baharu** ke Program Ijazah Sarjana Muda sesi 2023/204. Untuk pengambilan kali ini, bilangan pelajar yang mendaftar ialah 3,167 pelajar **melebihi** sasaran 3,097 orang iaitu **102%** dari sasaran. Bilangan pelajar baharu ini juga adalah **tertinggi dalam sejarah pengambilan pelajar baharu** dan untuk pengambilan kali ini, adalah pengambilan tertinggi di kalangan MTUN lain.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 1 & Teras 5**

- 1.2.4.6 Merancakkan aktiviti promosi dan penjenamaan program TVET
- 1.2.4.6.2 Bilangan enrolmen keseluruhan pelajar
- 1.2.4.6.5 Bilangan enrolmen pelajar prasiswazah TVET
- 5.3.3 10% peningkatan pendapatan hasil dari enrolmen pelajar pada setiap tahun
- 5.3.3.1.1 Jumlah pendapatan yang dijana dari enrolmen pelajar perdana (prasiswazah tempatan dan antarabangsa)

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 1 & Teras 4

## PENSIJILAN PROFESIONAL KPT- PACE













Menyelaraskan sejumlah 27 program di bawah **KPT-PACE** (Fasa 1 - Fasa 3) dengan **peruntukan tertinggi** dari KPT sebanyak **RM 5,896,680.00** dan berjaya melatih **2,047 pelajar** untuk mendapat pensijilan professional.

# PSU 2023 – 2025 : 5ST

**Teras 1& Teras 4**

- 1.2.2.1 Meningkatkan kompetensi staf melalui program Upskilling/ Reskilling
- 1.2.4.3 Mewajibkan pensijilan professional
- 1.2.4.3.1 Bilangan kursus baharu pensijilan profesional/ sijil kompetensi
- 4.1.1.3 Meningkatkan peratusan staf akademik yang mempunyai Pensijilan Jurulatih Profesional atau Pensijilan Profesional

8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH | 4 QUALITY EDUCATION | 5 GENDER EQUALITY

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 1 & Teras 3

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Majlis Konvokesyen ke 19 – 68% Graduan TVET




UTeM mencatat sejarah sejak ditubuhkan 23 tahun yang lalu apabila seramai 3,378 graduan akan mengikuti majlis konvokesyen ke-19 dengan 2,115 graduan (68%) adalah graduan dalam bidang TVET. Jumlah ini menzahirkan komitmen UTeM dalam memacu pemerkasaan TVET aras tinggi negara. Pada masa sama seramai 2,478 graduan ijazah sarjana muda telah lengkap mengikuti pensijilan profesional melibatkan 25 kursus tahap tinggi sekali gus meningkatkan nilai kebolehpasaran graduan.







## PSU 2023 – 2025 : 5ST

**Teras 1 & Teras 3**

- 1.1.2 Memanfaatkan Alumni TVET sebagai penghubung industri dan pasaran
- 1.2.4.2 Meningkatkan Jumlah GE TVET UTeM
- 1.2.4.2.1 % Kebolehpasaran graduan (GE) TVET UTeM
- 3.2.2.1 Memperkasa pelajar bagi ketersediaan industri
- 3.2.2.1.1 Peratusan (%) daripada GE dalam TVET (Industri & Institusi TVET)

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
# Teras 1

## Graduan Sulung Program TVET Work Based Learning (WBL)









Dalam sesi konvokesyen tahun 2023, sebanyak 38 graduan sulung Program Work-Based Learning (WBL) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) akan menerima ijazah dalam dua bidang iaitu Teknologi Pemesinan Industri dan Teknologi Kimpalan. Selama tempoh program, pelajar-pelajar ini telah ditempatkan di 12 buah syarikat di seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. Mereka telah mengikuti pembelajaran melalui pelaksanaan kerja-kerja praktikal yang sebenar di lapangan industri di Malaysia. Hampir semua dah mendapat pekerjaan dan dua graduan telah menerima gaji premium dari Foresight Asia Pacific Sdn Bhd dan UWM Industrial Sdn Bhd.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 1**
1.1.2.2 Memperkasakan jalinan dengan Rakan Strategik Industri / Institusi TVET dalam dan luar negara (eg : Industry Roundtable, IAP, MoU MoA bersama Industri , **WBL**, Apprenticeship

1. Bilangan industri yang menyediakan latihan industri berstruktur / SIAP/ **WBL**/ SULAM/ Apprenticeship
2. Bilangan pelajar yang menjalani latihan industri berstruktur / SIAP/ **WBL**/ SULAM/ Apprenticeship

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 1

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Bilangan pelajar PhD yang bergraduan paling tinggi semasa sesi Konvokesyen ke 19 2023**




Majlis Konvokesyen ke 19 telah mencatat sejarahnya tersendiri di mana pada majlis konvo kali ini, bilangan graduan PhD yang menerima skrol berjumlah 104 dan merupakan **bilangan graduan PhD tertinggi** dalam majlis konvokesyen. Peningkatan hampir 50% dari tahun sebelumnya adalah kejayaan besar UTeM dalam melahirkan lebih ramai graduan PhD yang akan membantu merancakkan lagi Ekonomi Madani

## PSU 2023 – 2025 : 5ST

**Teras 1**

- 1.2.4.6.6 Bilangan pelajar pascasiswazah peringkat Ijazah Kedoktoran yang bergraduat

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
# Teras 1

## Pelancaran Duta TVET UTeM







**Duta TVET UTeM** merupakan staf akademik dan teknikal yang bertindak sebagai agen perubahan bagi memanfaatkan ilmu dan teknologi kepada komuniti melalui program yang melibatkan staf UTeM dan juga komuniti setempat.

Terdapat 2 Program utama iaitu: 1) Pemindahan Ilmu dan Teknologi TVET (TVET KTTP), 2) Projek yang boleh dikembangkan untuk kesejahteraan hidup (Social Enterprise)

Duta TVET merujuk kepada sumbangan kepakaran UTeM kepada komuniti dengan kerjasama dari pihak KPT dan industri

**PSU 2023-2025: 5ST**
**Teras 1**

- 1.1.1.3.3 Kerjasama bersama MTUN/ JPPKK/ Agensi Kerajaan Artikulasi JPPKK/Artikulasi MARA/MTUN)
- 1.1.2.2.1 Bilangan kolaborasi dengan Institusi TVET

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 1& Teras 3

## Program Global SULAM – Global Service Learning Malaysia (SULAM)

SISWA

### UTeM jayakan Program SULAM di Riau

Oleh **admin** - 1 August 2023




UTeM mengembangkan perkhidmatan bagi melaksanakan **Global Service Learning Malaysia** (Global SULAM) adalah amat membanggakan. Program Global SULAM telah diadakan di Universitas Muhammadiyah Riau. 10 orang pelajar prasiswazah dan 4 orang pelajar pascasiswazah telah menyertai program ini. Program ini bertujuan **berkongsi ilmu dengan komuniti** berkaitan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan **pemindahan ilmu** dan aktiviti pembelajaran berkaitan audit tenaga elektrik serta penyelenggaran penghawa dingin bersama 33 orang pelajar serta guru-guru dan pelajar-pelajar di Riau.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 1& Teras 3**

- 1.2.1.5 Penyampaian Transformatif (Transformative Delivery) (e.g: AR/VR, Experiential Learning)
- 1.2.1.5.1 Bilangan kursus modul diterapkan dengan program/ aktiviti SULAM
- 3.1.3.4 Mengukuhkan Kebolehpasaran Graduan dan Ketersediaan Industri melalui JUARA SULAM - program hubungan strategik di antara pelajar dan agensi, industri serta komuniti
- 3.1.3.4.3 Bilangan komuniti yang terlibat

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 1& Teras 3

## CHAIRMAN LECTURE SERIES : *Industrial, Experience, Reality*













Objektif program ini adalah untuk meningkatkan perkongsian maklumat, kefahaman dan pengalaman bersama tokoh terkemuka, pakar dan profesional dari industri untuk disebar luas agar **Universiti lebih berdaya saing dan proaktif dalam menghadapi cabaran perkembangan kemajuan teknologi** yang semakin pesat kini. Selain itu, program ini juga diadakan bagi memantapkan lagi jaringan kolaborasi antara Universiti dengan pihak industri. Sehingga kini, **12 pakar dan professional dari industri dan agensi k**erajaan telah dijemput untuk berkongsi pengalaman masing-masing.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**

**Teras 1 & Teras 3**

- 1.2.4 Meningkatkan ketersediaan industri pelajar
- 1.2.4.3.2 Bilangan aktiviti /program dengan elemen keusahawanan/ revolusi industri masa hadapan
- 1.1.2.2 Memperkasakan jalinan dengan Rakan Strategik Industri / Institusi TVET dalam dan luar negara
- 3.2 Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan (GE) melalui
  industri yang berkaitan

## WORLDSKILLS ASIA ABU DHABI 2023




Tahniah TUAH UTeM Stephen Sim Shan Siong dari FTMK kerana memenangi ***Pinga Gangsa*** untuk kategori *IT Software Solution for Business* dan mengharumkan nama negara dalam WorldSkills Asia Abu Dhabi 2023.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**

**Teras 1 & Teras 3**

3.1 Menjuarai MTUN melalui kecekapan dan kesejahteraan TUAH di peringkat nasional dan Global

3.1.3.1 Meningkatkan penyertaan pelajar di dalam program/ aktiviti berpandukan 8 Dimensi TUAH



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# UTEM PERUNTUK BIASISWA KESIDANG RM10 JUTA UNTUK PELAJAR TEMPATAN DAN NEGARA BERGOLAK




Buat pertama kali UTeM menawarkan **Biasiswa Kesidang** dan ianya terbuka kepada pelajar tempatan dan antarabangsa yang menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan PhD secara sepenuh masa.

Pembiayaan juga terbuka kepada pelajar dari negara yang bergolak

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**

**Teras 1& Teras 3**

- 1.2.4.6.6 Bilangan pelajar pascasiswazah peringkat Ijazah Kedoktoran yang bergraduat
- 3.1.4.1 Memperkasakan perkhidmatan kebajikan pelajar (UTeM Prihatin)
- 3.1.4.1.2 Bilangan penerima biasiswa

17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS | 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE | 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 2

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA










onsemi™

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima dua geran penyelidikan industri antarabangsa berjumlah **RM 446,000.00** dari On Semiconductor Sdn Bhd (OnSemi) bagi teknologi kecerdasanbuatan (AI) untuk industri kenderaan elektrik (EV) dan pembangunan silikon karbida.

**Kerjasama penyelidikan dari para Penyelidik UTeM bersama Semiconductor Components Industries, LLC, USA dan On Semiconductor Malaysia Sdn. Bhd.**

# PSU 2023 – 2025 : 5ST

- **Teras 2** (2.1.2 : 20% geran penyelidikan industri)

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 2 & Teras 5

## PEMBAYARAN DIVIDEN OLEH ANAK SYARIKAT




Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerima penyerahan dividen berjumlah **RM5 juta** daripada UTeM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB). Jumlah dividen ini tertinggi dalam sejarah UTeM.

# PSU 2023 – 2025 : 5ST

**Teras 2 & Teras 5**

- 2.4.3 : Mempertingkatkan bayaran dividen kepada Universiti
- 5.3.1 : Jumlah pemberian dividen tahunan daripada anak syarikat

5 GENDER EQUALITY · 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH · 4 QUALITY EDUCATION

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 2 & Teras 3

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## JELITA - Dari Wanita untuk Wanita..













Pelancaran JELITA (***Job Empowerment by Learning and Inclusive Technical Advancement***), di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

JELITA adalah inisiatif di bawah Program TVET Khas Wanita yang memberi tumpuan kepada **enam kumpulan sasaran wanita** untuk memperkasakan ekonomi mereka melalui pengembangan bakat, kemahiran, keterampilan, dan pengetahuan.

Program JELITA adalah satu usaha untuk meningkatkan martabat wanita Malaysia melalui latihan vokasional dan teknikal dengan penyediaan pakej pengajian eksklusif hasil kerjasama dengan rakan-rakan industri. Inisiatif ini adalah hasil kerjasama antara dua institusi iaitu **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)** dan Kolej Universiti Agrosains Malaysia.

JELITA – ***Akademik TVET Wanita @ UTeM*** adalah agensi yang akan melaksanakan semua aktiviti JELITA

JELITA
Akademi TVET Wanita @UTeM

# PSU 2023 – 2025 : 5ST

**Teras 2 & Teras 3**

2.3.3.1.3 Bilangan penyelidik wanita bercirikan keusahawanan teknikal (pensijilan profesional)
2.2.2.1.2 Bilangan staf akademik wanita yang terlibat dengan perundingan bersama industri/komuniti
3.3.1.1.2 Bilangan graduan wanita yang menjadi usahawan teknologi

## KEBOLEHPASARAN GRADUAN




Kebolehpasaran graduan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mencapai **96.4%** dan telah melebihi sasaran 95% yang ditetapkan.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**

- **Teras 3** (3.2.1 : 95% Kebolahpasaran Graduan (GE))

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
# Teras 3

4 QUALITY EDUCATION
8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH
17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Pemerkasaan Alumni UTeM – Penubuhan Alumni Chapter



**Program Jalinan Holistik (Chapter Sarawak)**



**Program Jalinan Holistik (Chapter Sabah)**

Memperkasakan alumni UTeM melalui penubuhan 3 *Alumni Chapter* iaitu *Alumni Chapter Timur* (Pahang, Terengganu & Kelantan), *Alumni Chapter Sarawak* dan *Alumni Chapter Sabah.*



**Program Jalinan Holistik (Chapter Timur – Pahang, Terengganu & Kelantan)**

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**

- 3.4 Memperkasa alumni UTeM sebagai sebuah entiti UTeM untuk menjadi perantara kepada industri dan pasaran kerja
- 3.4.1.2 Menubuhkan dan melestarikan penubuhan Alumni
  Bahagian TVET (TVET Alumni Chapter)

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
# Teras 3

## Memperkasakan Kebajikan Pelajar





Majlis Sumbangan Zakat kepada pelajar B40 UTeM. Tujuan utama majlis ini adalah untuk mengagihkan peruntukan sebanyak **RM650,000.00** kepada seramai **2,250 orang pelajar B40**. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tabung Haji dan Yayasan Bank Rakyat atas sumbangan wang zakat ini.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**

- 3.1.4.1 Memperkasakan perkhidmatan kebajikan pelajar (UTeM Prihatin)
- 3.1.4.1.1 Jumlah dana/ wakaf/ zakat yang diterima
- 3.1.4.1.3 Bilangan pelajar yang menerima bantuan kewangan/ zakat/ wakaf

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 3







UTeM telah menerima anugerah **Top Course Provider** for National Training Week dalam Majlis Kemuncak **National Training Week (NTW)** yang telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).










**PSU 2023 – 2025 : 5ST**

**Teras 3**

- 3.2.1 : 95% Kebolehpasaran Graduan (GE)
- 3.2.1.3.2 Bilangan syarikat yang menyertai program Pameran Kerjaya (Career Fair)
- 3.3.1.1.2 Bilang graduan wanita yang menjadi usahawan teknologi

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 3 & Teras 5






**Melaka Hari Ini**
Informasi Terkini Negeri Melaka

TERKINI

### National Aspire'23 tawar 5,000 pekerjaan

ADMIN
JUMAAT, 26 MEI 2023 @ 17:30

DURIAN TUNGGAL 26 Mei – Lebih 5,000 pencari kerja dan graduan dijangka hadir ke Karnival Kerjaya National Aspire Career Fair UTeM X MyFuturejobs 2023 (National Aspire'23) anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

National Aspire'23 dijadualkan berlangsung di Dewan Canselor, Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal, pada 30 dan 31 Mei ini.

Karnival itu dianjurkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM, Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG) serta Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM.

Gambar hiasan. Peserta Karnival Kerjaya Tiga Daerah Peringkat Negeri di Kompleks Sukan Masjid Tanah, mengisi borang sebelum menghadiri sesi temuduga.

Pengarah Program Nurul Ain Sabirah Abd Rahim berkata, National Aspire'23 dijayakan dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dan Centre For Enterprise and Technopreneurship Development (CREATE).

"Penganjuran ini juga adalah bersempena National Training Week Human Resource Development Corporation (HRD Corp).

"Pelbagai peluang pekerjaan ditawarkan, diharapkan pencari kerja dan graduan memanfaatkan peluang yang ada untuk mengisi jawatan kosong bersesuaian dengan kelayakan akademik atau kemahiran dimiliki.

"Selain itu National Aspire'23 juga menjadi medan bagi pelajar mendapatkan penempatan latihan industri bagi pelajar dalam bidang yang berkaitan," katanya menerusi satu kenyataan.

**National Aspire'23** tawar **5,000 pekerjaan**
Karnival Kerjaya National Aspire Career Fair UTeM X MyFuturejobs (30 & 31 Mei 2023) anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melibatkan 41 syarikat, industri dan agensi tempatan serta multinasional mengambil bahagian pada penganjuran National Aspire'23.

Pelbagai peluang pekerjaan ditawarkan kepada pencari kerja dan graduan untuk mengisi jawatan kosong bersesuaian dengan kelayakan akademik atau kemahiran dimiliki.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**

**Teras 3**
- 3.2.1 : 95% Kebolehpasaran Graduan (GE)
- 3.2.1.3.2 : Bilangan syarikat yang menyertai program Pameran Kerjaya (Career Fair)

**Teras 5**
- 5.2.2 : Perlaksanaan lima (5) program bersama antara Industri-Universiti yang melibatkan persidangan/ bengkel / aktiviti CSR / ceramah industri

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 3






**Nur Syafiqah Binti A Rahim**, pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) telah terpilih sebagai **penerima dana keusahawanan siswa** bagi tahun 2022/ 2023 sebanyak **RM35 ribu**.

Beliau mewakili serta mengharumkan nama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Majlis Penutup Karnival Keusahawanan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang dianjurkan di Dewan Za'ba, KPT.

## PSU 2023 – 2025 : 5ST

**Teras 3**

- 3.1.3.1.6 Keusahawanan
  (i) Bilangan penyertaan
  (ii) Bilangan perniagaan yang dimulakan
  (iii) Bilangan pelajar yang berdaftar dengan SSM

- 3.3.1.1.2 Bilang graduan wanita yang menjadi usahawan teknologi

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 3






**Sukan Sea Cambodia 2023**

Atlet TUAH UTeM yang mewakili Malaysia telah berjaya membawa pulang **1 Perak & 3 Gangsa** . Atlet Mohd Zarlizan bin Zakaria telah membawa pingat untuk acara **Sepaktakraw Chinlone** dan Muhammad Farhan Bin Ibrahim dalam acara **E-Sports (Mobile Legends)**

Tahniah kepada saudara Syed Abrar bin Syed Syed Ahmad Zawawi sukan olahraga **merejam lembing** yang berjaya dengan catatan
55.37 meter (*personal best*)




# PSU 2023 – 2025 : 5ST

**Teras 3**

- 3.1.3.1.4 : Sukan dan Rekreasi
  (i) Bilangan program yang dianjurkan
  (ii) Bilangan penyertaan
  (iii) Bilangan atlet yang dihasilkan di peringkat Universiti

3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING
17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS
16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 3 & Teras 5






**Le Tour de IPT (LTdIPT) 2023**
UTeM sebagai penganjur **Le Tour de IPT (LTdIPT) 2023** melibatkan empat (4) peringkat sejauh 346.6 KM. The Rider UTeM telah menyertai dan berjaya menamatkan perlumbaan ini.

Perlumbaan ini berlangsung selama 4 hari bermula 16-20 Jun 2013 dari Segamat sehingga ke Putrajaya

Berita mengenai **LTdIPT** telah diterbitkan di sebanyak **22 kali dalam akhbar** dan **5 kali dalam siaran TV**.




## PSU 2023 – 2025 : 5ST

**Teras 3**
- 3.1.3.1.4 : Sukan dan Rekreasi
  (i) Bilangan program yang dianjurkan
  (ii) Bilangan penyertaan
  (iii) Bilangan atlet yang dihasilkan di peringkat Universiti

**Teras 5**
- 5.4.10.3.1 UTeM sensasi di Media Massa dan masyarakat

## UTeM Naik Taraf Kelajuan Internet Dari 3Gbps kepada 13 Gbps bermula 1 Oktober 2023




Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menaik taraf kelajuan capaian internet di dua buah kampusnya dengan capaian internet di UTeM **dinaik taraf daripada 3 Gbps kepada 13 Gbps**.

Inisiatif ini selaras dengan agenda **Pelan Pendigitalan UTeM**. Usaha ini merupakan kerjasama dengan syarikat TIME DotCom Berhad . UTeM komited dalam memajukan **transformasi pendigitalan** dalam operasi PdP dan operasinya dalam memberi impak, cabaran dan peluang yang besar dalam kehidupan bagi memudahkan segala urusan secara dalam talian. Inisiatif ini adalah untuk memastikan akses kepada infrastruktur dan infostruktur digital yang berpatutan, boleh dipercayai, mampan dan bersepadu untuk semua termasuk pelajar, staf dan pemegang taruh.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**

**Teras 4**

- 4.10 Memastikan akses kepada infrastruktur dan infostruktur digital yang berpatutan, boleh dipercayai, mampan dan bersepadu untuk semua

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
# Teras 5

16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS

8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**PENGURUSAN PUNGUTAN & HASIL**



## HASIL DALAMAN UNIVERSITI TAHUN 2023

| PENJANAAN PENDAPATAN UNIVERSITI TAHUN 2023 (SUMBER DALAMAN) 31 DISEMBER 2023 | ST5 (MENGEMBANGKAN NILAI, MENGGAMIT KEMAKMURAN) | SASARAN PENJANAAN TAHUN 2023 RM JUTA | PENJANAAN SEHINGGA 31.12.2023 | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *RESTRICTED* RM JUTA | *NON-RESTRICTED* (BOLEH GUNA) RM JUTA | JUMLAH KESELURUHAN JANA RM JUTA | % PENCAPAIAN |
| | | A | B | C | D = B + C | E = D / A % |
| YURAN & HASIL PELAJAR (PRASISWAZAH) | ST 5.3.3 | 40.14 | 11.05 | 23.67 | 34.72 | *86.5* |
| YURAN & HASIL PELAJAR (PASCASISWAZAH) | | 9.34 | 0.62 | 2.49 | 3.11 | *33.3* |
| DIVIDEN DARI SYARIKAT | ST 5.3.1 | 3.50 | - | 5.00 | 5.00 | *142.9* |
| KEUNTUNGAN PELABURAN, DEPOSIT & PEMBIAYAAN | ST 5.3.4 | 9.28 | - | 9.68 | 9.68 | *104.3* |
| PELBAGAI PENJANAAN PENDAPATAN PERINGKAT PTJ | ST 5.3.5 | 0.97 | 1.14 | 2.10 | 3.24 | *334.0* |
| HASIL DARI PENGKOMERSILAN | - | - | - | 0.13 | 0.13 | - |
| PELBAGAI PENJANAAN PENDAPATAN PROGRAM/PROJEK/TABUNG * | - | - | 6.81 | 0.09 | 6.90 | - |
| PELBAGAI TERIMAAN & PELARASAN HASIL ** | - | - | - | 1.75 | 1.75 | - |
| **JUMLAH (RM JUTA)** | | **63.23** | **19.62** | **44.91** | **64.53** | ***102.1*** |

* Pelbagai Pendapatan Program/Projek/Tabung :
- sumbangan (*crowd funding*)/hadiah
- Hasil/pendapatan tabung amanah
- hasil projek perundingan/penyelidikan
- hasil wakaf/endowmen

** Pelbagai Terimaan & Pelarasan Hasil :
- gantirugi pecah kontrak cuti belajar
- hasil denda lewat pembekalan
- pelarasan akruan/perbelanjaan terlebih anggaran
- hasil pelupusan aset

K A )

Pada tahun 2023, UTeM telah berjaya meningkatkan penjanaan pendapatan universiti sebanyak RM 64.53 juta (**102.1%**). Penjanaan untuk tahun 2023 **melebihi sasaran** yang ditetapkan dan satu pencapaian yang besar kepada agenda penjanaan pendapatan oleh UTeM.

## PSU 2023 – 2025 : 5ST

## Teras 5

5.3.1 Jumlah dividen yang disumbangkan kepada UTeM

5.3.4 10% peningkatan pendapatan daripada aktiviti kewangan setiap tahun

5.3.5 10% peningkatan pendapatan daripada pengewangan asset dan perkhidmatan perniagaan setiap tahun

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 5

PENGURUSAN
PUNGUTAN & HASIL

4 / 31

### STATISTIK KEDUDUKAN HASIL MENGIKUT TAHUN




| KEDUDUKAN PENDAPATAN (SUMBER DALAMAN) KESELURUHAN | 2019 (RM juta) | 2020 (RM juta) | 2021 (RM juta) | 2022 (RM juta) | 2023 (RM juta) |
|---|---|---|---|---|---|
| Yuran & Hasil Pelajar (Pra & Pasca Siswazah) | 33.60 | 28.86 | 31.80 | 35.48 | 37.83 |
| Pelbagai Pendapatan Selain Yuran Pelajar | 32.77 | 18.00 | 15.73 | 19.23 | 26.70 |
| **Jumlah Pendapatan Keseluruhan (RM juta)** | **66.37** | **46.86** | **47.53** | **54.71** | **64.53** |
| **Prestasi Penjanaan Pendapatan:** % Penjanaan Pendapatan (Jana Sendiri) Berbanding Perbelanjaan Mengurus (**KW01, KW07 & KW08**)* ***KPI Menteri 2023: 20%*** *(Mulai Tahun 2023)* | ***25.4%*** ***(66.3j/ 260.7j)*** | ***17.9%*** ***(46.8j/ 261.3j)*** | ***18.3%*** ***(47.5j/ 258.4j)*** | ***19.7%*** ***(54.7j/ 276.5j)*** | ***21.6%*** ***(64.5j/ 298.8j)*** |

Penjanaan pendapatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sehingga 31 Disember telah mencapai **RM 64.53 juta** iaitu **pencapaian tertinggi** sepanjang 5 tahun 2019 – 2023. Begitu juga penjanaan Non-Restricted (hasil boleh guna) telah mencapai **RM 44.91 juta** dan pencapaian Non-Restricted juga adalan **pencapaian tertinggi** sepanjang tempoh 5 tahun.

Sehingga 31 Dis 2023, prestasi penjanaan juga telah **mencapai 21.6%** jika dibandingkan dengan perbelanjaan mengurus dan **melebihi sasaran** yang ditetapkan oleh KPT iaitu 20%

## PSU 2023 – 2025 : 5ST

**Teras 5**

- 5.3 : Mempergiat aktiviti penjanaan pendapatan

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 5



Melaka Hari Ini

Informasi Terkini Negeri Melaka

DIDIK MELAKA NASIONAL PENDIDIKAN TERKINI TYT

### UTeM terbit lebih 700 buku sejak tahun 2000

LIANA SAHABUDIN
SELASA, 20 JUN 2023 @ 20:19

DURIAN TUNGGAL 20 Jun – Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerbitkan lebih 700 judul buku merangkumi bahan ilmiah dan umum sejak tahun 2000.

Naib Canselornya, Prof. Ts. Dr. Massila Kamalrudin berkata, penerbitan bahan cetakan itu turut menyumbang kepada perolehan hasil untuk UTeM.

"Ini terbukti dengan nilai jualan buku terbitan UTeM sepanjang Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023 (PBAKL) yang lalu meningkat daripada RM9,543.44 pada 2022 kepada RM10,876.05 tahun ini, iaitu peningkatan sebanyak 13.96 peratus.

"Lebih membanggakan, nilai jualan buku terbitan UTeM di PBAKL 2023 adalah tertinggi dalam kalangan Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Wacana Kedaulatan Malaysia dan Pelancaran Ekspo Buku Malaysia 2024 di Auditorium Canselori Kampus Induk UTeM, di sini, hari ini.

Majlis itu disempurnakan Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam yang juga Canselor UTeM.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengelola, Yayasan Pembangunan Buku Negara, Tan Sri Prof. Dr. Abdul Latiff Abu Bakar dan lain-lain kenamaan.

Massila berkata, ekspo buku dijadualkan berlangsung Februari 2024 itu dianggap platform terbaik memupuk budaya membaca dan menulis selaras hasrat kerajaan dalam merealisasikan matlamat membina Malaysia Madani yang dinamik.

"Ini seiring dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca 2030. Usaha ini juga mampu memartabatkan penggiat industri perbukuan termasuk penulis dan penerbit untuk merancakkan lagi aktiviti penerbitan serta perbukuan dalam negara," katanya.




YANG di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam, merasmikan Wacana Kedaulatan Malaysia dan Pelancaran Ekspo Buku Malaysia 2024 di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Foto Iqmal Haqim Rosman

Nilai jualan buku terbitan UTeM berjumlah **RM10,876.05** yang merangkumi bahan ilmiah dan umum sepanjang Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023 (PBAKL).

Nilai jualan buku terbitan UTeM adalah yang tertinggi dalam kalangan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) lain.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 5**

- 5.4.1.2 : Penerbitan penyelidikan berimpak tinggi.
- 5.4.1.2.1 : Bilangan penerbitan lain-lain buku (buku teks, siri monograf, bab buku, siri kuliah dll)

4 QUALITY EDUCATION

17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
# Teras 5

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA











Tahun 2023 menyaksikan buat julung kalinya Penerbit Universiti telah menerima Anugerah MAPIM-KPT menerusi empat kategori anugerah iaitu Anugerah Penulis Prolifik Terbaik (Pemenang Utama), Anugerah Buku Terbaik (Pemenang Penghargaan), Anugerah Pereka Terbaik (Pemenang Penghargaan) dan Anugerah Ulasan Buku Terbaik (Pemenang Penghargaan). Malah, Penerbit Universiti juga telah menerima Anugerah Buku Negara bagi kategori Buku Teknologi Digital Terbaik.

Dua buah buku penyelidikan terbitan Penerbit Universiti juga telah berjaya disenaraikan sebagai Buku Berindeks (*Book Citation Index Clarivate)* bagi tahun 2023.

Penerbit Universiti juga telah melancarkan buku Teknikal bahasa Melayu di Frankfurt, Jerman, bagi menyahut seruan KPT untuk memartabatkan bahasa Melayu.

Tahun 2023 juga menyaksikan Penerbit Universiti berjaya menjana pendapatan tertinggi sejak ditubuhkan iaitu sebanyak RM260 514.40.

## PSU 2023 – 2025 : 5ST
## Teras 5

5.1.1.1.2 Bilangan buku penyelidikan (penulis bersama tiga entiti luar universiti)
5.4.1.1.3 Bilangan Buku Penyelidikan (indeks dalam Scopus/WoS & non indeks).
5.4.1.1.4 Bilangan Jurnal (indeks dalam Scopus/ WoS)
5.4.1.1.5 Bilangan Bab Dalam Buku (indeks dalam Scopus/WoS)
5.4.1.2.1 Bilangan penerbitan lain-lain buku (buku teks, siri monograf, bab buku, siri kuliah dll)
5.4.1.2.2 Bilangan penerbitan jurnal (UTeM)
5.4.1.2.3 Bilangan anugerah atau pengiktirafan penerbitan buku

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 5

### PENARAFAN *QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS*




Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) **buat pertama kali** telah berjaya disenaraikan sebagai salah sebuah universiti terbaik dunia dalam penarafan **QS World University Rankings 2024** dengan kedudukan 1201 - 1400 daripada 2693 institusi yang dinilai.

## PSU 2023 – 2025 : 5ST

**Teras 5**

- 5.4.6 : Pada 2025, mencapai kedudukan 1001 - 1200 dalam penarafan QS World University Rankings (QS WUR)

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
## Teras 5



### IUGreenMetric 2023 : UTeM di kedudukan ke 5 Universiti paling Lestari dan Hijau di Malaysia

UI GreenMetric
World University Ranking

UTeM berjaya menduduki **kedudukan 106** daripada 1183 universiti seluruh dunia sebagai universiti Lestari dan hijau dalam penarafan UI GreenMetric (UIGM) World University Ranking 2023. Ini sekaligus meletakkan UTeM dalam kedudukan **5 universiti terbaik** di Malaysia dalam pengurusan kampus Lestari dan hijau

*UIGM World University Rankings* merupakan satu sistem penarafan universiti untuk skop kelestarian dan alam sekitar yang disertai oleh institusi pengajian tinggi seluruh dunia.
Ianya menyasarkan Pembangunan Lestari kampus iaitu kelestarian pembangunan fizikal kampus, pengurusan tenaga, air dan sisa serta aspek pendidikan kelestarian kepada warganya. Penilaian dalam UIGM juga seiring dengan pemetaan **17 perkara dalam *Sustainable Development Goals* (SDG)** bagi menilai aspek kemampanan atau kelestarian universiti.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 5**

- 5.4 Pengukuhan Penjenamaan dan Kedudukan
- 5.4.2 Meletakkan UTeM sebagai TOP 95 dalam UI GreenMetric World University Rankings, menjelang 2025

## QS World University Rankings – Sustainability Rankings 2024




UTeM **pertama kali disenaraikan** di dalam QS World University Rankings : Sustainability Rankings 2024 di kedudukan **#1001 – 1050** dari 1403 university di dunia.

QS telah melancarkan **QS World University Rankings : Sustainability** yang
memberi tumpuan kepada **ESG (Environmental, Social and Governance)** ini boleh memainkan peranan penting dalam mempromosikan dan mengiktiraf usaha universiti dalam menangani cabaran global yang berkaitan dengan SDG dan kelestarian.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**

**Teras 5**

- 5.4 Pengukuhan Penjenamaan dan Kedudukan

# LONJAKAN PRESTASI TAHUN 2023
# Teras 5

## Penerbitan Buku Bertemakan Teknologi Hijau selaras dengan SDG




Penerbit UTeM telah berjaya menerbitkan 9 buku yang bertemakan Teknologi Hijau seiring dengan pemetaan 17 perkara dalam ***Sustainable Development Goals*** **(SDG)**

Penghasilan buku-buku seperti ini boleh mengukuhkan penjenamaan UTeM dan meningkatkan penarafan UTeM di peringkat dunia dari aspek kemampanan atau kelestarian universiti melalui penarafan UI GreenMetric (UIGM) World University Ranking, THE High Impacts dan QS Sustainability.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**

**Teras 5**

- 5.4 Pengukuhan Penjenamaan dan Kedudukan
- 5.4.2 Meletakkan UTeM sebagai TOP 95 dalam UI GreenMetric World University Rankings, menjelang 2025
- 5.4.1.2 : Penerbitan penyelidikan berimpak tinggi.
- 5.4.1.2.1 : Bilangan penerbitan lain-lain buku (buku teks, siri monograf, bab buku, siri kuliah dll)

# Terima Kasih



www.utem.edu.my